

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RMK 452 - Pentadbiran Tanah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Sekurang-kurangnya DUA soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A

1. a) Nyatakan bagaimanakah tanah dikelaskan di bawah Kanun Tanah Negara dan apakah kategori-kategori kegunaan tanah yang diberi milik di bawah Akta tersebut?
b) Nyatakan syarat-syarat tersirat bagi salah satu daripada kategori kegunaan tanah yang diberi milik tersebut.

(25 markah)

2. Berikan takrifan ungkapan berikut serta contoh di mana perlu untuk memudahkan penerangan anda:

- a) Sistem Torrens Malaysia
- b) 'Tanah' seperti yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara
- c) Doktrin Duluan
- d) Komposisi Majlis Tanah Negara dan tugas-tugasnya

(25 markah)

3. a) Huraikan maksud harga perolehan dan harga perlupusan di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Nyatakan keuntungan-keuntungan yang boleh dikecualikan daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah.

Berikan contoh-contoh bagi menjelaskan jawapan-jawapan anda.

- b) Nyatakan kadar-kadar cukai yang dikenakan sekiranya pelupus ialah sebuah syarikat dan pelupus individu yang bukan kerakyatan Malaysia.

(25 markah)

BAHAGIAN B

4. Kanun Tanah Negara ada memperuntukan DUA pilihan bagi permohonan untuk memajukan tanah dari segi tukar syarat dan pecah sempadan tanah seperti berikut:-

- i) tukar syarat dan pecah sempadan dibuat sekaligus oleh pemohon; atau
- ii) pecah sempadan dengan cara menyerah balik tanah dan diberi milik semula

Huraikan.

(25 markah)

5. a) Dalam keadaan mana dan bagaimanakah bayaran balik kadaran (cukai pintu) ke atas bangunan-bangunan yang tidak diduduki boleh dituntut?
- b) Nyatakan sebab-sebab yang diperlukan sebelum pindaan-pindaan kepada senarai nilai bagi sesuatu kawasan Penguasa Tempatan dapat dijalankan.

Nyatakan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak Penguasa Tempatan setelah pindaan tersebut dibuat.

(25 markah)

6. a) Nyatakan kesan-kesan notis seksyen-seksyen 4 dan 8 ke atas tanah yang diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah.
- b) Nyatakan prosedur-prosedur yang perlu diikuti dalam Siasatan dan Award oleh Pemungut Hasil Tanah di bawah Akta tersebut.

(25 markah)

ooo00ooo